

# Operasi bersepadu rampas 1,366 bubu naga

UM 09/04/2023 m/s 32

**LUMUT:** Aktiviti tangkapan ikan menggunakan bubu naga semakin membimbangkan apabila menunjukkan peningkatan kira-kira 10 peratus dan kehadiran ramai individu baharu menggunakannya di laut khususnya sekitar perairan Perak.

Ia berdasarkan tangkapan dan sitaan Jabatan Perikanan terhadap bubu yang diharamkan itu sejak awal tahun ini.

Terbaharu, Operasi Bersepadu Pemantauan, Kawalan dan

Pengawasan Vesel Penangkapan Ikan (MCS) Zon Tengah selama lima hari bermula Isnin lalu dan berakhir semalam berjaya merampas 1,366 unit bubu naga.

Sehubungan itu, Penyelaras Operasi tersebut, Osman Mohamed memaklumkan pihaknya akan mengusulkan kepada agensi berkaitan untuk mengekang penjualan set bubu naga yang berleluasa dan mudah dibeli termasuk pembelian dalam talian.

“Bubu naga ini asalnya ha-

nya digunakan dalam aktiviti akuakultur tetapi diubah suai untuk penggunaan di laut dan semakin popular kerana ia mudah dipasang, harga murah serta boleh menghasilkan perolehan tinggi hingga RM1,000 sehari.

“Ketika ini, Jabatan Perikanan tiada kuasa untuk menghalang penjualan bubu itu tetapi boleh menguatkuasakan undang-undang bila digunakan di laut, dan ia sering menjadi topik panas setiap kali mesyua-

rat jawatankuasa bersama Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Pasukan Polis Marin dan agensi berkaitan.

“Kita akan mencadangkan agar penjualan bubu naga diharamkan kecuali kepada mereka yang terlibat dalam akuakultur,” katanya pada sidang akhbar di Pangkalan Utama MCS Kampung Aceh, Sitiawan.

Beliau berharap ada hasil positif terhadap cadangan itu

tahun ini yang melibatkan banyak pihak berkuasa lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

Dalam pada itu, operasi MCS dengan kerjasama pasukan Polis Marin itu meliputi perairan Pulau Pinang dan Perak, yang mencatatkan 22 kes dengan anggaran nilai rampasan ialah RM538,810.